



DIHARGAI...Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) menerima cenderahati daripada Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Links Holding Sdn Bhd, Datuk K.Y Mustafa.

HASIL USAHA GIGIH...Sarah (kanan) menerima hadiah pelajar cemerlang daripada dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE).

PELAJAR CEMERLANG...Esther (kanan) menerima hadiah pelajar cemerlang daripada dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE).

TERIMA... Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) menerima penghargaan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Links Holding Sdn Bhd, Datuk K.Y Mustafa.

Melahirkan 719 graduan sempena konvokesyen pada tahun ini

Menjejak cita, merintis profesional di PLUMS

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

MINAT yang mendalam dalam bidang sumber manusia serta kesedaran bahawa dirinya perlu melakukan sesuatu untuk menjadi seorang ibu, isteri, anak dan pekerja yang membanggakan mendorong Pascalia @ Eshter Asing meredah segala halangan untuk kembali bergelar pelajar pada usia 40an dalam bidang sumber manusia.

Pascalia atau lebih gemar dikenali sebagai Eshter mengakui, ketika mula bergelar pelajar Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) dua tahun lalu menuntunya mencari rentak yang tepat dengan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang yang bekerja dan berkeluarga.

"Saya tidak menyangka, segala penat lelah dan pengorbanan itu akhirnya membuahkan hasil yang cukup indah untuk dikenang... apatahlagi setelah berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Pengurusan Modal Manusia dengan cemerlang," katanya yang mencatatkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 untuk setiap semester bagi 13 subjek kursus melayakkannya dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Majlis Konvokesyen ke-12.

Tegas wanita yang berasal dari Kampung Dambai Penampang ini, selama dua tahun menjadi pelajar PLUMS, rutin Sabtu dan Ahadnya mula berubah malah lebih ketara, hidupnya kembali dikelilingi buku-buku serta belajar hingga larut malam.

Bagaimanapun, Esther mengakui dia dapat menyesuaikan diri dengan baik memandangkan dia pernah menjadi penuntut Diploma Sains Kesetiausahaan di UiTM manakala peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia di Universiti



"*Saya tidak menyangka, segala penat lelah dan pengorbanan itu akhirnya membuahkan hasil yang cukup indah untuk dikenang... apatahlagi setelah berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Pengurusan Modal Manusia dengan cemerlang.*"

PASCALIA @ ESHTER ASING
Pelajar Terbaik Majlis Konvokesyen ke-12 PLUMS

Terbuka Malaysia (OUM).

"Saya amat bersyukur kerana mendapat sokongan penuh daripada keluarga, majikan dan rakan sekerja, penyarah dan sekuliah serta rakan-rakan yang sentiasa menjadi kekuatan saya untuk terus berjuang sehingga berada di tahap ini sekarang," katanya yang bertugas di Eksekutif Sumber Manusia di KKIP Sdn Bhd.

Jelasnya, dia sudah berkhidmat selama 13 tahun di KKIP Sdn Bhd manakala mempunyai pengalaman lebih lebih 20 tahun dalam bidang sumber manusia.

Wanita yang dilahirkan pada 26 Mac ini juga berkata, walaupun masa merupakan halangan terbesar baginya, masa juga yang memberinya peluang untuk terus mengejar cita-cita dan menjadi individu yang boleh dibanggakan,

terutamanya oleh anaknya.

BANGKIT KERANA KECEWA

Bagi Chin Hui Fung @ Sarah Chin, 33, pelajar terbaik Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kewangan dan Perbankan, kekecewaan lalu kerana tidak dapat meneruskan pengajian dalam bidang perakwaan memberinya kekuatan untuk menyambung pengajian di PLUMS.

"Paling jelas, menjadi pelajar ketika sudah bekerja memerlukan banyak pengorbanan dan disiplin diri yang tinggi," katanya yang menamatkan pengajian dengan PNGK 3.89 melayakkannya menjadi pelajar terbaik tahun ini.

Dia yang bekerja di sebuah firma pembinaan menegaskan tidak pernah menjangka akan mendapat keputusan sebaik itu masa untuk belajar sangat terhad dan turut mengakui

amat bertuah kerana mendapat sokongan penuh daripada suami.

Esther dan Sarah adalah dua daripada enam pelajar terbaik PLUMS dari konvokesyen ke-10 pada 2008 sehingga konvokesyen ke-12 pada tahun ini yang ditemui di Majlis Makan Malam Graduan PLUMS, di sebuah hotel terkemuka di sini, malam Khamis.

Empat lagi pelajar berkenaan adalah Jasmi Abbas (Psikologi Kaunseling), Nurliah A. Tangah (Program Khas Pensiswazahan Guru Besar), Siti Azizah Md Yusuf (Pendidikan Dengan Sains) dan Chew Siong Eng (Pengurusan Kewangan dan Perbankan).

Tahun ini, seramai 719 graduan yang mengikuti PLUMS akan menerima ijazah sarjana dan sarjana muda dalam pelbagai



SARAH

pengkhususan.

Pertambahan tersebut menjadikan jumlah keseluruhan graduan program PLUMS adalah seramai 2,972 sejak diperkenalkan di Sandakan pada 1999.

UMS BERPERANAN BANTU MASYARAKAT

Sementara itu, Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun yang menjadi tetamu kehormat di majlis itu berkata, kerajaan berhasrat mempertingkatkan peratusan kadar penduduk yang mempunyai kelayakan tinggi sekurang-kurangnya di peringkat sarjana muda.

"Peningkatan dalam pendidikan berterusan penting untuk meningkatkan kemahiran dan kemajuan hidup individu dalam memacu

pembangunan negara," katanya.

"Kerajaan juga ingin melihat UMS menjadi sebuah pusat pembelajaran sepanjang hayat yang akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat serta menjadi peneraju kepada pembangunan pendidikan tinggi di Sabah," katanya dalam ucapan yang disampaikan oleh Pembantunya, Datuk Ellron Angin.

Masidi turut mencadangkan agar syarat-syarat kemasukan bagi individu dewasa ini diteliti semula kerana golongan ini, katanya mempunyai pengalaman bernilai walaupun mereka tidak mempunyai kelayakan akademik untuk memenuhi syarat asas yang dikehendaki oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

"Saya mengharapkan UMS akan sentiasa berganding bahu dengan IPT Swasta yang lain dalam memenuhi keperluan masyarakat di negeri ini terutamanya dalam bidang seperti pertanian, sumber alam serta sains dan teknologi untuk individu kurang upaya," katanya yang berharap kriteria kemasukan berasaskan diwujudkan bagi golongan berkenaan.

Beliau turut menjelaskan, bagi menggembeng potensi intelektual sedia ada di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kerajaan menubuhkan Majlis Profesor Negara (MPN)

melibatkan 1,400 profesor.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon berkata program PLUMS tidak boleh disamakan dengan pengajian jarak jauh kerana tenaga akademik adalah yang sama yang mengajar pelajar sepenuh masa.

"Sejak diperkenalkan, sebanyak 19 program sarjana muda, tujuh program sarjana dan tiga program kerjasama dengan kementerian telah diuruskan oleh pusat ini manakala jumlah kemasukan pelajar dalam tempoh 11 tahun ini menjangkau 5,833 orang," katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Awg Amit.

Program yang pada asalnya dikenali sebagai Program Pengajian Luar Kampus (PPLK) ini bertepatan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang merupakan Menteri Pendidikan ketika itu untuk menyediakan satu peluang terbaik kepada golongan bekerja dan ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Program ini juga sebagai alternatif kepada pembelajaran sepanjang hayat kepada golongan pekerja di Sabah untuk mengikuti pengajian separuh masa di UMS dan ia diuruskan sepenuhnya oleh UMS Link Holdings Sdn Bhd, syarikat milik penuh UMS.



TERBAIK..Pemenang pakaian terbaik lelaki dan wanita pada majlis berkenaan.



BERUCAP... Ellron menyampaikan ucapannya mewakili Datuk Masidi Manjun.



TAN SRI ABDUL HAMID EGOH...Pengerusi Lembaga Pengarah UMS



HIBURAN... Persembahan tarian turut menghangatkan Makan Malam Graduan PLUMS, malam Khamis.